

TARIKH	06 / 05 / 2014	SEKSYEN	DUNIA
MUKA SURAT	48	RUANGAN	

## Angka kematian MERS di Arab Saudi cecah 115 orang

RIYADH - Pihak berkuasa Arab Saudi mengumumkan semalam bahawa angka kematian akibat jangkitan virus korona Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS) mencecah 115 orang sejak penyakit pernafasan itu dikesan buat kali pertama di negara itu pada 2012.

Menurut kementerian berkenaan di laman-webnya, sebanyak tiga orang meninggal dunia pada Sabtu lalu selepas dijangkiti MERS di bandar Jeddah.

Mangsa-mangsa tersebut terdiri daripada seorang lelaki berusia 45 tahun dan dua wanita yang masing-masing berumur 50 dan 54 tahun.

Terdahulu, seorang lelaki berusia 77 tahun turut mati akibat MERS di Riyadh pada Jumaat lepas.

Angka jangkitan MERS di Arab Saudi telah meningkat kepada 414 orang sekaligus tertinggi di dunia, lapor kementerian sama.

Pada Jumaat lepas, beberapa pegawai kesihatan Amerika Syarikat (AS) mengesahkan kes pertama MERS di AS melibatkan seorang pekerja kesihatan yang kembali dari Riyadh.

Pada minggu lalu, Mesir mencatat jangkitan pertama MERS selepas seorang lelaki yang tiba dari Arab Saudi disahkan menghidap penyakit itu.

MERS dianggap sebagai penyakit membawa maut tetapi kurang berjangkit berbanding Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang meletus di Asia pada 2003.

Seramai 8,273 orang dijangkiti SARS pada tahun berkenaan dengan sembilan peratus daripada pesakit meninggal dunia.

Setakat ini tiada vaksin atau rawatan antikuluman yang boleh mengubati MERS. - AFP